

KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA IKHWAN...

MARI BERPUASA

Saudara-saudara anggota Ikhwan, sekarang ini kita berada di dalam bulan Ramadhan al-mubarak yang di dalamnya kita sekalian umat Islam, yang tidak uzur, wajiblah berpuasa. Kami pihak pemimpin Ikhwan mengucapkan selamat berpuasa, dan seterusnya mengucapkan selamat berhari raya.

Kami penuh mempunyai harapan bahawa tiap-tiap anggota ikhwan tidak uzur yang dibenarkan syarak, wajib menunaikan fardu puasa kerana di dalam berpuasa itu banyak yang kita dapat. Kita berpuasa bukannya sahaja untuk berlapar, tetapi sebagai saudara-saudara ketahui bahawa kita disuruh berpuasa supaya melatih menahan diri daripada mengikut kehendak hawa nafsu – bukannya tentang makanan tetapi dalam segala-galanya; dan tidak setakat ini sahaja, kita disuruh sabar, sabar di dalam semua hal, tenang fikiran dan seumpamanya; dan tidak sunyi pula kita disuruh berkelakuan baik, berbuat baik, membanyakkan ibadah dan membanyakkan sedekah iaitu perkara-perkara yang berseimbangan dengan keadaan berlapar – suka menolong orang yang lemah.

Semuanya ini, saudara-saudara anggota Ikhwan, tidak lain supaya diri kita terlatih kepada mengesakan kebesaran Allah, taat kepada perintah-Nya dan patuh kepada suruhan-Nya sehingga kita yakin bahawa walaupun kita dicuba berlapar, dicuba kepada kepedihan hidup, namun kita, sesudah berlatih tiap-tiap tahun dengan cubaan-cubaan tersebut, tidak akan mengatakan Allah itu dua atau tiga; dan tidak pula akan mengatakan bahawa Tuhan

itu tidak ada, Tuhan itu hanya di dalam khayal semata; dan agama itu hanya candu semata seperti yang difahamkan oleh orang-orang Ateis dan Komunis.

Dengan latihan puasa ini kelak, walaupun dicuba dengan kepedihan, insya-Allah kita tidak akan berpaling daripada mengatakan Allah itu satu *Allāh akbar* yang Maha berkuasa dan hanya kepada-Nya kita menyembah dan kepada-Nya sahaja tempat kita meminta. Insya-Allah, dengan taufik dan hidayah-Nya anggota-anggota Ikhwan yang patuh kepada perintah Allah, yang mengerjakan suruhan-Nya dan menjalankan seruan-Nya, di dalam hari yang berbahagia ini akan menjadi mujahid-mujahid yang bersedia setiap saat akan menunaikan seruan-Nya untuk menegakkan kalimah Tuhan!

Di sebalik ini, saudara-saudara anggota Ikhwan, nun di tanah Indonesia di Jawa Barat, di Sulawesi dan di Aceh, ada saudara-saudara kita yang telah syahid – dan ada pula saudara-saudara kita yang sedang berjuang, berjuang bukan untuk kesenangan dirinya tetapi berjuang dengan darahnya untuk menegakkan kalimah Tuhan, untuk menegakkan agama Islam! Mereka telah berani berjihad pada jalan Allah dengan darahnya kerana menegakkan kalimah Tuhan. Untuk meringankan bebanan mereka marilah kita anggota-anggota Ikhwan yang belum sampai tarafnya sebagai saudara-saudara kita itu supaya kita berdoa kepada Allah semoga perjuangan mereka diterima Tuhan dan mendapat kebahagiaan-Nya – diberi-Nya rahmat, dimenangkan-Nya perjuangan mereka itu, dan ditegakkan-Nya kebenaran agama Allah yang didirikan oleh mereka itu – *Āmin!*